

Hukuman hudud  
usah dipolitikkan

Pada 5 Mei ini genap setahun Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) berlangsung. Pilihan raya yang diuar-uarkan sebagai ibu segala pilihan raya itu mengekalkan Barisan Nasional (BN) sebagai parti pemerintah, manakala pakatan pembangkang menguasai Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang.

Dalam pilihan raya itu, PAS gagal mempertahankan Kedah apabila BN mengambil alih pemerintahan negeri dengan kemenangan 21 kerusi, berbanding 15 kerusi oleh PR.

Keputusan PRU13 telah mengemukakan empat model pentadbiran iaitu model BN berteraskan UMNO dalam Kerajaan Pusat, model PKR di Selangor, model PAS di Kelantan dan model DAP di Pulau Pinang.

Model pentadbiran Kerajaan BN berasaskan pendekatan kesederhanaan dan wasatiyyah yang ditunjangi oleh UMNO. Perkongsian kuasa antara kaum menjadi kekuatan BN untuk terus kekal memerintah negara.

Ketiga-tiga negeri yang dikuasai pembangkang iaitu Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang adalah hasil kerjasama politik dalam pakatan, namun ia tidak boleh lari dari persepsi, iaitu penguasaan satu parti yang dominan.

Kelantan adalah contoh terbaik. Walaupun dipimpin kerajaan yang berasaskan kerjasama politik dalam pakatan, PAS menguasai pentadbiran kerajaan negeri. Ini didorong kemenangan PAS memperoleh 31 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding satu kerusi oleh pakatan.

Sejak PAS memerintah Kelantan pada tahun 1990, ia ditadbir dan dipandu pemerintahan yang bersloganan Membangun Bersama Islam. Walaupun kemenangan PAS sejak PRU 1990 dibantu kerjasama dengan parti politik yang lain, PAS di Kelantan amat berpengaruh dan dominan. Maka, tidak mustahil dalam pilihan raya, PAS menyediakan manifesto khusus di Kelantan, selain manifesto yang disepakati bersama dengan parti pembangkang yang lain di peringkat pusat.

Satu hakikat yang tidak boleh dinafikan, soal agama menjadi isu yang lebih sensitif berbanding pembangunan di Kelantan.

### Polemik hukum hudud

Baru-baru ini ketika berkunjung ke Kelantan, penulis solat maghrib di Masjid Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian. Selepas solat, kuliah mengisi ruang bagi menanti waktu solat isyak. Penceramah menjelaskan konsep dan falsafah di sebalik hukum hudud kepada jemaah yang hadir. Ternyata, polemik hukum hudud mengisi sebahagian besar wacana masyarakat di Kelantan, di masjid sehingga sembang-sembang di kedai kopitiam.

Hudud telah membangkitkan semula citra, PAS khususnya di Kelantan yang selama ini diragui apakah mereka dapat mempertahankan cicitra Islam dalam usaha meraih sokongan dan populariti rakyat. Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang

telah menegaskan, agenda melaksanakan hukum hudud akan diteruskan walaupun ditentang rakan dalam pakatan. Jelas beliau, agenda hudud sudah lama diperjuangkan PAS, sebelum wujudnya kerjasama politik dalam pakatan, malah lebih awal dari itu, Barisan Alternatif (BA).

Seorang pemimpin kanan PAS pernah menyatakan, menjadi hak PAS memperjuangkan hukum hudud, sama seperti DAP memperjuangkan pembuahan Malaysian Malaysia. Namun, sebelum melaksanakannya, beliau berkata PAS perlu realistik dan terlebih dahulu mempunyai kerusi parlimen mencukupi. Jelas beliau, niat baik tidak dapat direalisasikan jika strategi salah.

### DAP tegas tolak hudud

DAP bertegas menolak hukum hudud atas alasan ia tidak sesuai atas faktor kepelbagai kaum dan agama di negara ini. Namun, ia bukan sesuatu yang ganjil kerana pendirian DAP dalam hal ini sudah diketahui umum sejak dahulu lagi. Polemik hudud akan menguji kerjasama politik dalam pakatan. Pada tahun 2001, DAP keluar dari BA apabila PAS berkeras mahu meneruskan perjuangan negara Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak telah menyatakan kerajaan tidak menolak hukum hudud, tetapi ia memerlukan masa sebelum boleh dilaksanakan. Pada masa sama, UMNO mencadangkan sebuah jawatankuasa teknikal hudud peringkat kebangsaan dibentuk sebelum PAS membentang usul pelaksanaannya di Parlimen nanti.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ini penting bagi membolehkan isu itu dibincang terlebih dahulu dengan membabitkan banyak pihak yang pakar mengenainya.

Setelah setahun berlalunya PRU13, nampaknya isu cadangan pelaksanaan hukum hudud menerajui polemik politik mutakhir ini. PAS berharap pelaksanaannya akan menjadi kenyataan kerana ia boleh menjadi sebahagian model pentadbiran kerajaan Kelantan yang mahu ditonjolkan. Ini memperkuuh identiti PAS ketika banyak pihak mempertikaikan komitmennya terhadap dasar Islam yang diperjuangkannya sejak bekerjasama dengan DAP dan PKR.

Kita berharap isu cadangan pelaksanaan hukum hudud ini dapat diselesaikan dengan baik. Jika kita tersalah langkah, ia bukan sahaja memberikan imej negatif kepada pihak tertentu, tetapi turut mencemarkan ketinggian dan kesucian agama Islam.

Kita pasti tidak mahu hukum hudud menjadi komoditi politik dan menyimpang dari matlamat sebenar pelaksanaannya. Wallahu'alam.



### Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)